

! Adakah anda mempunyai sebarang soalan mengenai Legasi? Semak di sini untuk maklumat lanjut mengenai produk ini.

## Kandungan

	Halaman
• Kelayakan	1
• Manfaat & Had	1
• Yuran & Caj	2
• Endorsemen & Perkhidmatan Sijil	3
• Prosedur Tuntutan & Pengecualian	4

### Q1: Siapakah Kaotim?

Kaotim adalah jenama yang diuruskan oleh Takaful Malaysia.

### Q2: Apakah itu Legasi?

Legasi adalah pelan takaful bertempoh dengan caruman berkala yang menyediakan perlindungan untuk kematian dan Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK) kepada orang yang dilindungi. Anda boleh menambah manfaat perlindungan penyakit kritis yang menyediakan pembayaran apabila orang yang dilindungi didiagnosis dengan atau menjalani pembedahan untuk salah satu daripada 48 penyakit kritis yang dilindungi.

### Q3: Siapakah yang sesuai untuk pelan ini?

Pelan ini secara amnya sesuai bagi mereka yang mencari perlindungan atas kehidupan dengan satu pilihan untuk juga melindungi penyakit kritis dengan caruman yang mampu milik.

## Kelayakan

### Q4: Siapa yang boleh memohon pelan ini dan apakah umur kemasukan yang layak?

Individu warganegara Malaysia yang berumur 19 tahun pada hari lahir akan datang hingga 70 tahun pada hari lahir akan datang boleh memohon untuk pelan ini. Sebagai ibu bapa, anda juga boleh memohon pelan ini untuk anak anda yang hendaklah berumur sekurang-kurangnya 5 tahun pada hari lahir akan datang hingga 18 tahun pada hari lahir akan datang pada masa pendaftaran.

### Q5: Bolehkah saya mendaftarkan orang lain untuk pelan ini selain anak-anak saya?

Tidak, anda boleh mendaftarkan anak anda sahaja bagi pelan ini.

### Q6: Adakah terdapat umur minimum untuk menjadi pemilik sijil jika saya ingin memohon pelan ini untuk anak saya?

Ya, anda hendaklah berumur sekurang-kurangnya 19 tahun pada hari lahir akan datang.

### Q7: Adakah terdapat sebarang pengunderaitan untuk pelan ini?

Ya, anda dikehendaki menjawab soalan pengunderaitan dalam talian semasa proses pendaftaran. Sebut harga caruman akhir akan bergantung pada pekerjaan dan keadaan kesihatan orang yang dilindungi.

### Q8: Adakah saya perlu menjalani pemeriksaan perubatan?

Tidak, pelan ini memberikan anda keputusan pengunderaitan segera di mana anda hanya perlu menjawab soalan pengunderaitan yang berkaitan bergantung pada keadaan kesihatan orang yang dilindungi.

### Q9: Bolehkah saya dilindungi di bawah lebih daripada satu pelan Legasi?

Ya, anda boleh dilindungi lebih daripada satu sijil di bawah Legasi tetapi tertakluk kepada pengunderaitan.

### Q10: Saya telah dilindungi di bawah sijil Takaful Malaysia, bolehkah saya menyertai Legasi?

Ya, anda boleh menyertai Legasi walaupun anda sudah memiliki sijil Takaful Malaysia yang sedia ada.

### Q11: Berapa banyak perlindungan yang saya perlukan?

Perlindungan yang anda perlukan bergantung pada bajet dan keperluan kewangan anda. Anda boleh menentukan jumlah perlindungan yang anda perlukan dengan menggunakan alat penilaian kendiri yang disediakan [di sini](#).

### Q12: Bilakah perlindungan saya akan bermula?

Perlindungan anda akan berkuat kuasa apabila permohonan dan pembayaran caruman pertama melalui kaedah pembayaran pilihan anda telah berjaya. Tarikh kuat kuasa akan dinyatakan dalam sijil anda.

### Q13: Bilakah saya akan menerima sijil saya?

Selepas permohonan anda berjaya dengan pembayaran caruman, anda akan menerima sijil anda serta-merta. Anda juga boleh melihat sijil anda dalam portal myTakaful Customer.

## Manfaat & Had

### Q14: Apakah yang dilindungi di bawah pelan ini?

Pelan ini melindungi kematian dan KMK. Anda boleh memilih perlindungan penyakit kritis dengan menambah sama ada rider Additional Critical Illness atau Accelerated Critical Illness di mana anda juga akan dilindungi sekiranya anda didiagnosis dengan atau menjalani pembedahan untuk mana-mana penyakit kritis yang dilindungi.

Untuk rider Accelerated Critical Illness, sila kunjungi Takaful myCare Centre (TMCC) untuk maklumat lanjut.

**Q15: Apakah penyakit kritikal yang dilindungi di bawah pelan ini?**

Anda boleh merujuk kepada senarai penuh 48 penyakit kritikal yang dilindungi di dalam sijil.

**Q16: Adakah saya perlu membayar caruman tambahan untuk menikmati perlindungan penyakit kritikal?**

Ya, perlindungan penyakit kritikal adalah perlindungan pilihan yang boleh anda pilih untuk disertakan ke dalam perlindungan asas kematian/KMK anda dengan caruman tambahan.

**Q17: Apakah perlindungan penyakit kritikal?**

Rider Additional Critical Illness membayar manfaat secara sekali gus jika anda didiagnosis dengan atau menjalani pembedahan untuk salah satu penyakit kritikal yang dilindungi semasa tempoh perlindungan tertakluk kepada 30 hari tempoh hidup. Sebarang bayaran pada manfaat penyakit kritikal tidak akan mengurangkan jumlah perlindungan bagi kematian/KMK dengan jumlah dibayar selepas tuntutan penyakit kritikal.

Rider Accelerated Critical Illness membayar manfaat secara sekali gus jika anda didiagnosis dengan atau menjalani pembedahan bagi salah satu penyakit kritikal yang dilindungi dalam tempoh perlindungan. Sebarang bayaran untuk manfaat penyakit kritikal akan mengurangkan jumlah perlindungan bagi kematian/KMK dengan jumlah dibayar selepas tuntutan penyakit kritikal.

Nota: Bagi angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, pembayaran adalah 10% daripada jumlah perlindungan, tertakluk kepada amaun maksimum RM25,000.

**Q18: Apakah jumlah perlindungan bagi kematian /KMK yang boleh saya pilih?**

Anda boleh memilih jumlah perlindungan anda bermula daripada RM 50,000, sehingga maksimum RM 2,000,000, tertakluk kepada kumpulan Umur Ulang Tahun Akan Datang anda dan keputusan pengunderitan.

**Q19: Apakah jumlah perlindungan penyakit kritikal yang boleh saya pilih?**

Jumlah perlindungan adalah 50% daripada jumlah perlindungan yang ditetapkan untuk manfaat kematian/KMK.

**Q20: Adakah terdapat sebarang nilai tunai di bawah pelan ini?**

Tidak, tiada nilai tunai di bawah pelan ini.

**Q21: Adakah terdapat sebarang manfaat matang di bawah pelan ini?**

Tidak, tiada manfaat matang di bawah pelan ini.

**Q22: Dalam keadaan apakah perlindungan saya akan ditamatkan?**

Sijil anda akan tamat secara automatik:

- pada tarikh caruman patut dibayar yang akan datang selepas serahan;
- apabila sijil anda luput;
- apabila orang yang dilindungi meninggal dunia;
- apabila tuntutan KMK orang yang dilindungi diluluskan; atau
- pada tarikh tamat tempoh.

Anda boleh merujuk kepada Klaus Penamatan di bawah subseksyen MENGENAI SIJIL ANDA di dalam Sijil. Untuk penyakit kritikal, sila rujuk Klaus Penamatan di bawah subseksyen MENGENAI LAMPIRAN ANDA di dalam Lampiran.

## Yuran & Caj

**Q23: Apakah mod pembayaran yang ada?**

Anda boleh memilih untuk membuat bayaran secara bulanan atau tahunan. Anda boleh menikmati dan berjimat 10% dengan caruman tahunan berbanding caruman bulanan.

**Q24: Berapakah caruman yang perlu saya bayar?**

Amaun caruman berbeza mengikut jumlah perlindungan, tempoh perlindungan, jantina dan umur orang yang dilindungi. Bebanan caruman tambahan mungkin dikenakan bergantung pada pekerjaan dan keadaan kesihatan orang yang dilindungi. Anda perlu memastikan bahawa caruman yang perlu dibayar untuk pelan ini adalah dalam lingkungan bajet anda.

**Q25: Apakah pilihan tempoh perlindungan dan adakah terdapat pilihan pembayaran caruman?**

Anda boleh memilih 10 tahun, 20 tahun atau 30 tahun tempoh perlindungan. Pembayaran caruman akan mengikut seperti tempoh perlindungan anda.

**Q26: Adakah sebarang komisen dibayar bagi pelan ini?**

Pelan ini adalah produk secara terus, oleh itu tiada komisen yang dibayar.

**Q27: Apakah kaedah pembayaran yang dibenarkan untuk pelan ini?**

Kaedah pembayaran caruman yang diterima oleh kami adalah kad kredit/debit sahaja.

Jika anda membuat pembayaran melalui kad debit, sila ambil perhatian bahawa kebenaran daripada pemegang kad kepada bank diperlukan untuk memastikan potongan caruman seterusnya berjaya untuk perlindungan berterusan.

**Q28: Adakah caruman akan meningkat sepanjang tempoh perlindungan?**

Tidak, caruman akan kekal sama sepanjang tempoh perlindungan.

### Q29: Adakah kadar caruman terjamin?

Tidak, kadar caruman tidak dijamin dan Takaful Malaysia berhak untuk menyemak semula kadar caruman dengan memberi anda notis 30 hari sebelum ulang tahun sijil seterusnya.

### Q30: Bagaimanakah cara saya membayar caruman berkala saya?

Kami akan memotong caruman secara automatik daripada kaedah pembayaran pilihan anda berdasarkan mod pembayaran caruman yang telah anda pilih.

### Q31: Adakah terdapat sebarang tempoh tangguh untuk pembayaran seterusnya?

Tempoh tangguh 30 hari diberikan dari setiap tarikh caruman perlu dibayar. Jika caruman masih belum dibayar pada akhir tempoh tangguh, sijil anda akan luput dan terbatal.

### Q32: Bolehkah saya mendapatkan pelepasan cukai apabila saya menyertai pelan ini?

Ya, pelan ini layak untuk pelepasan cukai pendapatan, tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Penyata Cukai Pendapatan boleh dimuat turun di portal myTakaful Customer. Sila rujuk langkah yang berikut:

1. Log masuk ke portal [myTakaful Customer](#).
2. Klik pada sijil yang diingini di bawah seksyen "Family".
3. Klik pada butang "Statement" pada atas laman web.
4. Teruskan untuk memuat turun dan mencetak penyata tersebut.

## Endorsemen & Perkhidmatan Sijil

### Q33: Bolehkah saya meningkatkan amaun jumlah perlindungan saya selepas sijil saya berkuat kuasa?

Tidak, peningkatan jumlah perlindungan tidak dibenarkan selepas sijil berkuat kuasa.

### Q34: Bolehkah saya mengurangkan amaun jumlah perlindungan saya selepas sijil saya berkuat kuasa?

Ya, anda boleh memohon untuk menukar sebarang amaun tertakluk kepada minimum caruman RM30 secara bulanan dan RM100 secara tahunan dan jumlah perlindungan minimum sebanyak RM50,000.

Anda boleh membuat permintaan dengan melengkapkan borang endorsemen yang tersedia [di sini](#) (di bawah "Produk Keluarga > Panduan Perkhidmatan dan Borang Endorsemen") dan menyerahkan borang tersebut ke Takaful myCare Centre terdekat atau e-mel kami di [hello@kaotim.my](mailto:hello@kaotim.my). Tiada pengunderitan diperlukan dan semakan sedemikian hanya akan berkuat kuasa pada tarikh caruman patut dibayar akan datang.

### Q35: Bolehkah saya menambah perlindungan penyakit kritikal selepas sijil berkuat kuasa?

Tidak, anda tidak boleh menambah perlindungan penyakit kritikal selepas sijil berkuat kuasa.

### Q36: Adakah saya akan mendapat kembali bayaran jika saya menyerahkan sijil saya?

Jika anda membatalkan sijil anda dalam 15 hari tempoh penelitian percuma dari tarikh kuat kuasa perlindungan, jumlah caruman relevan yang anda bayar akan dikembalikan.

Walau bagaimanapun, jika anda membatalkan selepas 15 hari tempoh penelitian percuma, anda tidak akan menerima sebarang bayaran balik dan perlindungan anda akan berhenti pada tarikh caruman patut dibayar yang akan datang.

### Q37: Adakah saya perlu memaklumkan Takaful Malaysia sekiranya saya menukar pekerjaan saya?

Ya, anda harus memaklumkan kami melalui portal myTakaful Customer dan sebarang semakan caruman hanya akan berkuat kuasa pada ulang tahun sijil yang berikutnya.

### Q38: Bolehkah saya menukar butiran kad kredit/debit atau akaun bank saya?

Ya, anda boleh mengemas kini butiran kad kredit/debit atau akaun bank anda melalui portal myTakaful Customer. Setelah maklumat ini dikemas kini, kami akan memotong secara automatik daripada kad kredit/debit atau akaun bank yang telah dikemas kini untuk caruman seterusnya yang perlu dibayar di bawah pelan ini.

### Q39: Bolehkah saya menukar mod pembayaran caruman?

Ya, anda boleh meminta perubahan tersebut melalui portal myTakaful Customer 30 hari sebelum ulang tahun sijil. Perubahan sedemikian hanya akan berkuat kuasa pada ulang tahun sijil.

### Q40: Bolehkah saya menukar alamat e-mel saya?

Ya, anda boleh mengemas kini alamat e-mel baharu anda di bawah Bahagian Profil dalam portal myTakaful Customer.

### Q41: Sijil saya telah luput. Bolehkah saya menguat kuasa semula sijil saya?

Ya, kuat kuasa semula dalam masa 1 tahun daripada tarikh luput adalah dibenarkan sekiranya semua caruman tertunggak telah dibayar.

Walaubagaimanapun, fungsi kuat kuasa semula tidak tersedia pada saat ini.

### Q42: Bagaimanakah cara saya menghantar permintaan saya untuk pembatalan atau penamatan?

Anda boleh menghantar permintaan anda melalui portal myTakaful Customer.

### Q43: Bagaimanakah cara saya membuat penamaan untuk pelan ini?

Penamaan adalah terpakai hanya sekiranya anda menyediakan perlindungan untuk diri anda. Sila rujuk langkah yang berikut:

1. Log masuk ke portal [myTakaful Customer](#).
2. Klik pada sijil yang diingini di bawah seksyen "Family".

3. Klik pada butang "Add/Amend of Nominee" untuk mengemaskini maklumat penamaan.

Penting: Anda dinasihatkan untuk membaca panduan penamaan (di bawah "Produk Keluarga > Panduan Perkhidmatan dan Borang Endorsemen") sebelum melakukan penamaan anda.

## Prosedur Tuntutan & Pengecualian

**Q44: Bagaimakah cara saya melakukan tuntutan?**  
Sila tekan [di sini](#) untuk panduan tuntutan, di bawah produk keluarga.

**Q45: Berapa lamakah masa diambil untuk tuntutan diproses?**

Kebiasaannya, ia mengambil masa sehingga 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.

**Q46: Kepada siapakah manfaat akan dibayar sekiranya berlakunya tuntutan?**

Kami akan membayar manfaat kepada penama sekiranya anda meninggal dunia. Sekiranya berlaku KMK dan penyakit kritikal, kami akan membayar manfaat tersebut terus kepada anda. Sekiranya orang yang dilindungi adalah anak anda, kami akan membayar manfaat kepada anda.

**Q47: Adakah terdapat tempoh menunggu di bawah pelan ini?**

Tiada tempoh menunggu bagi manfaat kematian dan KMK. Walaubagaimanapun, tempoh menunggu bagi perlindungan penyakit kritikal di bawah pelan ini adalah seperti berikut:

Jenis Tuntutan	Tempoh Menunggu
kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari.	60 hari daripada tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula; yang mana kemudian
penyakit kritikal selain daripada di atas	30 hari daripada tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula; yang mana kemudian

Manfaat tuntutan tidak akan dibayar sekiranya penyakit kritikal terjadi semasa tempoh menunggu.

**Q48: Berapa banyak kalikah saya boleh membuat tuntutan bagi perlindungan penyakit kritikal?**

Anda boleh membuat tuntutan hanya sekali bagi perlindungan penyakit kritikal kecuali untuk angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari. Amaun yang boleh dibayar adalah 10% daripada jumlah perlindungan, tertakluk kepada amaun maksimum RM25,000 bagi setiap orang yang dilindungi. Baki jumlah caruman yang tinggal akan dibayar untuk tuntutan penyakit kritikal yang lain.

**Q49: Apakah pengecualian untuk pelan ini?**

Pelan ini tidak melindungi berikut:

Manfaat Kematian

- Kematian akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kuat kuasa atau pada mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian.

Manfaat KMK

- KMK yang telah wujud sebelum atau pada tarikh kuat kuasa atau pada mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian.

Manfaat Penyakit Kritikal

- Sekiranya tanda dan gejala penyakit kritikal wujud sebelum atau dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa atau mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian, untuk kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari; atau
- Sekiranya tanda dan gejala penyakit kritikal wujud sebelum atau dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa atau mana-mana tarikh kuat kuasa semula, yang mana terkemudian, untuk semua penyakit kritikal yang lain.
- Tuntutan bagi penyakit kritikal yang diperihalkan di atas tidak akan diterima hanya kerana pemberitahuan bagi tuntutan tersebut telah diberikan kepada kami selepas tamat tempoh menunggu.

Sila maklum bahawa senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil dan Lampiran untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.